

Integriti, tepati janji asas utama kerajaan diyakini rakyat

Kepercayaan rakyat terhadap kerajaan ialah perkara pokok yang sangat perlu diberi perhatian kerajaan. Ini bertujuan memastikan pematuhan rakyat kepada semua dasar yang telah dan akan dilaksanakan serta undang-undang dikuatkuasakan boleh berlaku secara sukarela.

Pada tahap kepercayaan rakyat sangat tinggi, mereka boleh bertolak ansur dalam memahami keperluan bagi sesuatu dasar atau langkah kawalan yang perlu dilaksanakan kerajaan walaupun ia mungkin membawa kesan negatif kepada rakyat.

Sebagai contoh, penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula 18 Mac tahun lalu dan diikuti dengan PKP kali kedua bermula 17 Januari lalu. Pelaksanaan langkah perlu dalam membendung pandemik COVID-19 itu, menyebabkan ramai rakyat hilang pekerjaan dan peniaga kecil terpaksa gulung tikar, namun tetap dipatuhi sebilangan besar rakyat.

Berdasarkan kepada kajian dilakukan firma penyelidikan pasaran, Ipsos Malaysia, indeks kepercayaan terhadap kerajaan menunjukkan peningkatan sebanyak 10 mata, iaitu daripada 47 pada 2019 kepada 57 mata (2020).

Ia turut disokong hasil kajian Edelman Trust Barometer yang mengukur tahap kepercayaan rakyat kepada organisasi, iaitu kerajaan.

Kajian Edelman Trust Barometer menunjukkan rakyat Malaysia mula mempercayai kerajaan apabila mencapai 60 mata pada 2020 berbanding 48 mata (tidak percaya) pada 2017 dan berada di kedudukan berkecuali pada 2018 serta 2019 dengan indeks masing-masing pada 53 dan 59 mata.

Skala indeks kepercayaan kajian ini adalah merujuk kepada percaya (60-100); berkecuali (50-59) dan tidak percaya (1-49).

Walaupun Malaysia dikatakan berjaya meningkatkan tahap kepercayaan

Rakyat turut melihat tahap keazaman dan tekad kerajaan dalam memastikan semua janji yang dinyatakan, terutama dalam manifesto pilihan raya, bukanlah hanya 'gula-gula politik' yang digunakan untuk memenangi hati pengundi.

rakyat terhadap kerajaan, masih banyak usaha perlu dilakukan untuk memastikan kerajaan berjaya membina dan terus meraih kepercayaan rakyat.

Ketidpercayaan rakyat akan memberi kesan bukan sahaja kepada kelancaran perjalanan pentadbiran kerajaan, tetapi juga meningkatkan kos dalam memastikan pematuhan terhadap sesuatu dasar dilaksanakan dan undang-undang dikuatkuasakan berlaku.

Ada tiga elemen utama perlu diberi penekanan oleh kerajaan berdasarkan dapatan kajian lepas dalam memastikan kepercayaan rakyat terhadap kerajaan terus mengukuh.

Pertama, kerajaan dan pelaksana dasar mesti menunjukkan tahap kompetensi dan kebolehppercayaan tinggi dalam semua tindakan dibuat.

Kompetensi dalam konteks ini dinilai rakyat melalui kecekapan kerajaan dalam memahami dan bertindak berdasarkan kehendak rakyat.

Ia bukan sahaja dinilai dalam bentuk kemudahan dan perkhidmatan disediakan untuk memenuhi keperluan rakyat, tetapi juga cara kerajaan membuat keputusan dalam menangani isu atau situasi membabitkan rakyat.

Penilaian kecekapan ini akan turut memberi kesan kepada tahap kebolehppercayaan rakyat terhadap kerajaan.

Kedua, kerajaan diidamkan rakyat ialah kerajaan yang meletakkan kebajikan mereka sebagai keutamaan, iaitu dengan kata lain cakna kepada kehendak rakyat serta mengambil berat terhadap nasib menimpa mereka.

Rakyat mengharapkan tindakan atau perancangan yang akan dilaksanakan kerajaan adalah bersandarkan kepentingan mereka.

Rakyat juga mahukan sebuah kerajaan bertanggungjawab dalam memastikan semua usaha dibuat adalah demi kebaikan bersama dan tidak bersifat berat sebelah.

Ketiga, sebuah kerajaan dipercayai rakyat adalah kerajaan berintegriti tinggi yang meletakkan nilai kejujuran sebagai asas utama dalam pentadbiran.

Penilaian tahap integriti ini adalah berdasarkan keupayaan kerajaan dalam memenuhi dan menepati janji yang dibuat kepada rakyat.

Rakyat turut melihat tahap keazaman dan tekad kerajaan dalam memastikan semua janji yang dinyatakan terutama dalam manifesto pilihan raya, bukan hanya 'gula-gula politik' yang digunakan untuk memenangi hati pengundi.

Kepercayaan tinggi terhadap kerajaan akan meningkatkan tahap keyakinan rakyat terhadap kerajaan yang dipilih. Keyakinan rakyat secara mudahnya boleh diperoleh dengan

kerajaan menjadi teladan baik kepada rakyat.

Sebagai contoh, setiap undang-undang, peraturan atau arahan yang dibuat sendiri kerajaan turut dipatuhi semua yang mewakili kerajaan tanpa ada sebarang kelonggaran diberikan.

Jika berlaku pelanggaran undang-undang atau arahan kerajaan, hukuman sama tetap dikenakan tanpa mengira pangkat atau darjat.

Keyakinan rakyat akan turut bertambah jika mereka dapat melihat semua usaha kerajaan dalam membangunkan negara adalah demi untuk kemudahan dan kesejahteraan rakyat.

Pada masa sama, mereka juga melihat kerajaan turut menunjukkan usaha untuk merapatkan jurang kemiskinan dengan mengagihkan kekayaan negara secara adil dan saksama.

Bagaimanapun, meraih kepercayaan dan keyakinan rakyat terhadap kerajaan bukan perkara mudah, terutama dalam keadaan negara sedang berhemmas pulas memerangi pandemik COVID-19 dan kesan negatifnya terhadap ekonomi.

Setiap langkah dan tindakan dibuat kerajaan sedang diperhatikan serta dinilai rakyat.

Sebagai kerajaan yang dikatakan dibentuk atas gabungan majoriti yang sangat nipis, kerajaan semasa perlu terus bekerja keras dalam memastikan ketiga-tiga elemen yang dinyatakan itu menjadi teras utama dalam pentadbiran kerajaan.

Kepercayaan dan keyakinan rakyat tinggi akan membantu kerajaan dalam mengemudi negara demi memastikan kesejahteraan dan keharmonian terus dipelihara.

Penulis adalah Pensyarah Kanan
Fakulti Teknologi dan Informatik Razak,
Universiti Teknologi Malaysia (UTM),
Kuala Lumpur

